



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH
URUS SETIA PENGAMBILAN
DI KEMENTERIAN KESIHATAN**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**PEMBANTU X-RAY KANAN (M.4 EB.5)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan atau dipanggil Temu duga.



PEMBANTU X-RAY KANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.4 EB.5 (\$930 - \$1,490 EB KHAS \$1,530 - \$1,690 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (*NC*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kesihatan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji M.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menyelia, menyelaraskan dan memantau kerja-kerja pembantu x-ray serta kakitangan bawahan, termasuk menyediakan jadual bertugas (*roster*), bagi memastikan kelancaran operasi perkhidmatan di unit-unit berkenaan;
2. Menerima, mendaftar dan mengesahkan maklumat pesakit sebelum menjalani pemeriksaan X-ray mengikut prosedur yang ditetapkan;
3. Mengurus dan membantu dalam penjadualan temujanji pesakit bagi pemeriksaan radiologi khusus;
4. Menyediakan, mengenal pasti serta memuat naik filem / imej X-ray termasuk daripada fasiliti X-ray swasta ke dalam sistem, sebelum dihantar kepada Pakar Radiologi untuk tujuan pelaporan mengikut prosedur yang ditetapkan;
5. Memastikan pengurusan folder dan rekod X-ray dilaksanakan secara sistematik termasuk penyusunan, penyimpanan dan pengeluaran rekod dengan teratur dan selamat;
6. Memastikan data perangkaan bulanan dan tahunan Jabatan disediakan, dikumpul dan diselaraskan dengan tepat serta lengkap sebelum diserahkan kepada pegawai atasan;



7. Memastikan kebersihan, keselamatan dan penyelenggaraan peralatan, mesin, komputer serta kemudahan di tempat bertugas sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi; serta melaporkan sebarang kerosakan kepada pegawai atasan dan pihak berkaitan dengan segera;
8. Bertugas *shift duty* termasuk pada hari-hari kelepasan awam mengikut jadual yang telah ditetapkan; dan
9. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa mengikut keperluan perkhidmatan.